

Headline	Daftar undi pada usia 20 tahun langkah baik		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	15 Jan 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	U1	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 847
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,541



# Daftar undi pada usia 20 tahun langkah baik

**ALOR SETAR** - Cadangan berhubung kelayakan mendaftar pengundi pada usia 20 tahun, disifatkan sebagai satu langkah yang baik dalam usaha melancarkan lagi proses mendaftarkan pengundi.

Penganalisis politik, Dr Mohd Azizuddin Mohd Sari yang juga Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), berkata, sekiranya individu berusia 20 tahun dibenarkan untuk mendaftar sebagai pengundi, mereka sudah boleh mengundi apabila usia mencecah 21 tahun.

Menurutnya, cadangan ini dilihat akan membawa kebaikan dari segi prosedur namun ia bergantung kepada bagaimana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengendalikannya.

"Pada saya, cadangan ini bertujuan melancarkan proses daftar mengundi dan ia lebih berbanding cadangan sebelum ini, iaitu agar individu berusia 18 tahun dibenarkan mengundi."

"Pada saya, usia 18 tahun adalah terlalu awal dan tidak begitu sesuai, usia 21 tahun tidak perlu diawalkan namun ia

bergantung kepada SPR untuk menilai rasionalnya," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Terdahulu, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, dilaporkan akan memperhalus dan mempertimbangkan secara serius cadangan berkenaan.

Ini kerana pada ketika ini, usia layak mendaftar ialah 21 tahun dan akan mengambil masa tiga bulan untuk disahkan dan disenaraikan dalam daftar pemilih.

Namun menerusi cadangan berkenaan, individu yang mendaftar pada usia 20 tahun secara automatik layak mengundi di usia 21 tahun, sekiranya pilihan raya diadakan lebih awal.

**“ Pada saya, usia 18 tahun adalah terlalu awal dan tidak begitu sesuai, usia 21 tahun tidak perlu diawalkan namun ia bergantung kepada SPR untuk menilai rasionalnya.”**

**Mohd Azizuddin**

